

GARIS PANDUAN LESTARI: APLIKASI AMALAN TERBAIK KELESTARIAN DALAM PENGANJURAN PROGRAM UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



**Kelulusan : Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2025
6 Mei 2025**

Disediakan oleh :

Nur Adila Ab. Aziz

Noorasyikin Mohammad Noh

Aeslina Abdul Kadir

Nur Shaylinda Mohd Zin

Mohd Fairouz Mohd Yousof

Mohd Hafiz Sadiran

Muhammad Muhaimin Rosman

Napisah Basir

Mohd Syarifudin Aris

Nur Suhaibah Supian

KANDUNGAN

Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
1.0 Tujuan	1
2.0 Polisi Rujukan	1
3.0 Definisi/Takrifan	2
4.0 Latar Belakang	3-4
5.0 Objektif	4
6.0 Proses Pelaksanaan	4-5
7.0 Peranan & Tanggungjawab	6-7
7.1 Penganjur Program	6
7.2 PTj Pelulus Program	6
7.3 SCO	7
7.4 Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian Universiti	7
8.0 Tadbir Urus Garis Panduan	8-9
8.1 Tanggungjawab Pemilik Garis Panduan	8
8.2 Tanggungjawab Pengurus Dokumen Program	8
8.3 Tanggungjawab Pengurus Dokumen Polisi	8-9
9.0 Petunjuk Prestasi Utama Garis Panduan	9
10.0 Pemakaian Panduan	9
11.0 Kawalan	9
Carta Alir Kaedah Pelaksanaan Garis Panduan	10
Lampiran 1	11

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Dokumen dirujuk	1
Jadual 2	Istilah/Singkatan umum berserta definisi	2
Jadual 3	Contoh amalan terbaik kelestarian	5
Jadual 4	Tadbir urus Garis Panduan	8
Jadual 5	Kawalan	9

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Carta alir kaedah pelaksanaan Garis Panduan	10
Rajah 2	Pemetaan SDGs	11

**GARIS PANDUAN LESTARI :
APLIKASI AMALAN TERBAIK
KELESTARIAN DALAM PENGANJURAN PROGRAM
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Lestari : Aplikasi Amalan Terbaik Kelestarian Dalam Penganjuran Program Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ini disediakan untuk memberi panduan kepada pihak terlibat bagi melaksanakan amalan terbaik kelestarian di dalam penganjuran program Universiti.

2.0 POLISI RUJUKAN

Garis Panduan ini berkuat kuasa dengan merujuk dan tertakluk kepada dokumen berikut :

Jadual 1 : Dokumen dirujuk

Nama Dokumen
Dasar Kelestarian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Polisi Hubungan Masyarakat, Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Garis Panduan Permohonan Aktiviti/Program Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Dalam Negara/Luar Negara)
Garis Panduan Pengurusan Sewaan Aset, Tanah, Ruang dan Fasiliti Komersial Milik Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Garis Panduan Pengurusan Sewaan Ruang dan Fasiliti Sukan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Modul Asas Kelestarian Panduan Guru
<i>Guidelines For the Use of SDG Logo Including the Colour Wheel, And 17 Icons</i>
<i>Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)</i>

3.0 DEFINISI/TAKRIFAN

Jadual 2 : Istilah/Singkatan umum berserta definisi

Istilah/Singkatan Umum	Definisi
Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian Universiti (JPKU)	Jawatankuasa ini diselaraskan oleh Pejabat Kampus Lestari (SCO) dan merupakan organisasi yang menguruskan penganjuran aktiviti dan program kelestarian disamping menambahbaik sistem kelestarian di kampus
Penganjur Program	Mana-mana Pusat Tanggungjawab (PTj) atau Jawatankuasa atau persatuan atau individu yang menganjurkan program di dalam dan di luar Universiti sama ada anjuran Universiti sendiri atau bersama/kolaborasi/komuniti/agensi kerajaan/swasta/industri.
Program	Aktiviti/Acara/Kegiatan yang dilaksanakan oleh PTj atau Jawatankuasa di dalam dan di luar Universiti sama ada anjuran Universiti sendiri atau bersama/kolaborasi/komuniti/agensi kerajaan/swasta/industri.
PTj Pelulus Program	Mana-mana PTj yang diberikan kuasa untuk meluluskan permohonan penganjuran program oleh penganjur program.
SCO	Pejabat Kampus Lestari.
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i> /Matlamat Pembangunan Mampan. Rujukan : https://sdgs.un.org/goals
Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

4.0 LATAR BELAKANG

- 4.1 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memberikan komitmen dalam pelaksanaan pembangunan dan inisiatif kelestarian secara konsisten bermula pada tahun 2017.
- 4.2 Demi menyokong segala perancangan kelestarian, satu dokumen rujukan perlu diwujudkan untuk panduan warga Universiti dalam melaksanakan program/aktiviti kelestarian di kampus.
- 4.3 Dasar dan Polisi Kelestarian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah dibangunkan oleh Pejabat Kampus Lestari (SCO) seterusnya telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2022 pada tarikh 27 November 2022 yang lalu.
- 4.4 Sehubungan itu, Garis Panduan berkaitan perlu diwujudkan bagi memastikan setiap komitmen yang dinyatakan dapat dilaksanakan oleh warga Universiti dengan berkesan.
- 4.5 Susulan daripada itu, Pejabat Kampus Lestari (SCO) telah membangunkan Garis Panduan Lestari : Aplikasi Amalan Terbaik Kelestarian Dalam Penganjuran Program Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh warga Universiti dalam merancang, menyelaraskan, memantau dan melaksanakan program/aktiviti berkaitan di semua peringkat.
- 4.6 Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Developments Goals (SDGs) adalah sebahagian daripada AGENDA 30 yang memupuk amalan terbaik kelestarian untuk mengatasi pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat pada peringkat global. Visi UTHM untuk menjadi universiti teknikal global dalam teknologi kelestarian adalah sejajar dengan hala tuju SDGs. Garis Panduan ini menyediakan rujukan bagi keperluan pemetaan 17 matlamat SDGs yang bersesuaian bagi program yang dilaksanakan.
- 4.7 Maka, penerapan amalan terbaik kelestarian di dalam penganjuran program adalah perlu untuk mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran di kalangan warga UTHM. Tambahan pula, keprihatinan kepada masyarakat dan alam

sekitar juga merupakan salah satu objektif utama UTHM. Oleh itu, Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan untuk memperincikan tatacara mengaplikasikan amalan terbaik kelestarian dalam penganjuran program Universiti di semua peringkat mengikut kesesuaian.

- 4.8 Dengan adanya Garis Panduan ini, diharapkan ianya akan dapat mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran berkaitan amalan kelestarian di kalangan warga UTHM. Di samping itu, Garis Panduan ini dapat membantu penganjuran program/aktiviti dilaksanakan lebih teratur dan berkesan.

5.0 OBJEKTIF

- 5.1 Menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs);
- 5.2 Menambah bilangan program Universiti yang melakukan pemetaan (*mapping*) kepada SDGs;
- 5.3 Menggalakkan program yang dilaksanakan di dalam dan luar Universiti supaya mengaplikasikan amalan terbaik kelestarian;
- 5.4 Mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran warga UTHM dalam memulihara alam sekitar.

6.0 PROSES PELAKSANAAN

- 6.1 Proses pelaksanaan Garis Panduan ini adalah seperti di nyatakan di dalam carta alir kaedah pelaksanaan Garis Panduan (**rujuk Rajah 1**).
- 6.2 Garis Panduan ini terpakai kepada semua penganjuran program Universiti yang dilaksanakan di dalam dan di luar Universiti sama ada anjuran Universiti sendiri atau bersama/kolaborasi/komuniti/agensi kerajaan/swasta/industri.
- 6.3 Antara contoh amalan terbaik kelestarian yang boleh diterapkan adalah seperti **Jadual 3**.
- 6.4 Walaubagaimanapun, penganjur program boleh mengaplikasikan amalan terbaik kelestarian yang bersesuaian selain **Jadual 3**.

6.5 Seterusnya, penganjur program perlu membuat pemetaan amalan terbaik kelestarian yang diaplikasikan kepada matlamat SDGs seperti di **Rajah 2**.

Jadual 3 : Contoh amalan terbaik kelestarian

Bil.	Amalan Terbaik
1.	<i>e-poster</i>
2.	<i>e-banner</i>
3.	<i>e-certificate</i>
4.	<i>e-registration</i>
5.	<i>e-payment</i>
6.	<i>e-flyers</i>
7.	Penyediaan tong kitar semula sewaktu program dijalankan
8.	Penggunaan tenaga elektrik yang minimum
9.	Mengelakkan penggunaan plastik sekali guna
10.	Menggalakkan peserta membawa bekas makanan dan minuman sendiri
11.	Menyediakan cenderamata berasaskan bahan kitar semula
12.	Menjimatkan penggunaan air
13.	Mengurangkan kenderaan bermotor
14.	Mengurangkan aktiviti yang membebaskan karbon
15.	Mengaplikasikan elemen 5R (<i>Refuse, Reduce, Reuse, Recycle and Recovery</i>) (Elak, Kurang, Guna Semula, Kitar Semula dan Pemerolehan Semula)

7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

7.1 Penganjur Program :

- 7.1.1 Menetapkan objektif dan sasaran peserta program;
- 7.1.2 Mengenalpasti amalan terbaik kelestarian yang akan diaplikasikan di dalam program;
- 7.1.3 Memetakan program dan amalan terbaik kelestarian yang diaplikasikan kepada matlamat SDGs;
- 7.1.4 Memaparkan logo SDGs yang dipetakan di dalam poster program dan menyerahkan salinan kepada SCO sekiranya diminta.
- 7.1.5 Semua infomasi/berita/bahan program yang dianjurkan jika dihebahkan secara digital perlulah memaparkan tanda pagar (*hashtag*) #UTHMgreencampus

7.2 PTj Pelulus Program :

- 7.2.1 Memaklumkan kepada semua penganjur program untuk mengaplikasikan amalan terbaik kelestarian ke dalam program.
- 7.2.2 Memastikan penganjur program untuk memetakan program dan amalan terbaik kelestarian yang diaplikasikan kepada matlamat SDGs.
- 7.2.3 Memaklumkan kepada pemohon berkaitan keperluan memaparkan logo SDGs yang dipetakan di dalam poster program dan menyerahkan salinan kepada SCO sekiranya diminta.
- 7.2.4 Menyediakan senarai program yang diluluskan yang mempunyai pemetaan SDGs dan yang mengaplikasi elemen kelestarian di dalam program serta rumusannya.
- 7.2.5 Menghantar senarai program yang diluluskan yang mempunyai pemetaan SDGs dan yang mengaplikasi elemen kelestarian di dalam program serta rumusannya kepada SCO apabila diminta.

7.3 SCO :

- 7.3.1 Menyediakan bahan hebahan berbentuk infografik, video dan lain-lain pendekatan yang dapat membantu menyampaikan maklumat berkaitan Garis Panduan ini;
- 7.3.2 Menilai dan mengkaji semula Garis Panduan sekali dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun atau berdasarkan keperluan;
- 7.3.3 Melaksanakan pemantauan keatas PTj pelulus program dan penganjur program pada bila-bila masa yang difikirkan perlu tanpa notis dan makluman.

7.4 Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian Universiti (JPKU):

- 7.4.1 Memberi khidmat nasihat dan cadangan berdasarkan kepakaran bagi kaedah aplikasi amalan terbaik kelestarian dalam penganjuran program Universiti;
- 7.4.2 Memberi khidmat nasihat dan cadangan berdasarkan kepakaran semasa proses semakan Garis Panduan berkaitan aplikasi amalan terbaik kelestarian dalam penganjuran program Universiti;
- 7.4.3 Memberi khidmat nasihat dan cadangan berdasarkan kepakaran bagi mengenal pasti isu yang berkemungkinan dihadapi dalam pelaksanaan aplikasi amalan terbaik kelestarian dalam penganjuran program Universiti.

8.0 TADBIR URUS GARIS PANDUAN

Jadual 4 : Tadbir urus Garis Panduan

Pemilik Garis Panduan	Pejabat Kampus Lestari (SCO), UTHM
Pengurus Dokumen Polisi PTj	Pengarah, Pejabat Kampus Lestari (SCO)
Pengurus Dokumen Polisi	Ketua Unit Governan dan Pengurusan Dasar

8.1 Tanggungjawab Pemilik Garis Panduan :

- 8.1.1 Bertanggungjawab kepada pindaan Garis Panduan serta mendapatkan perakuan daripada Jawatankuasa Eksekutif seterusnya kelulusan daripada Lembaga Pengarah Universiti;
- 8.1.2 Bertanggungjawab untuk memastikan Garis Panduan yang berkaitan dihebahkan kepada warga Universiti;
- 8.1.3 Bertanggungjawab melaksanakan semakan Garis Panduan sekali dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun atau berdasarkan keperluan;
- 8.1.4 Bertanggungjawab memastikan Garis Panduan ini boleh diakses untuk rujukan oleh warga Universiti.

8.2 Tanggungjawab Pengurus Dokumen PTj :

- 8.2.1 Bertanggungjawab kepada semua penyimpanan, perekodan dan pengemaskinian dokumen program;
- 8.2.2 Memastikan Garis Panduan dilaksanakan pihak yang berkaitan.

8.3 Tanggungjawab Pengurus Dokumen Polisi :

- 8.3.1 Bertanggungjawab kepada semua penyimpanan, perekodan dan pengemaskinian Garis Panduan;

8.3.2 Bertanggungjawab memastikan Garis Panduan ini dihebahkan melalui pekeliling rasmi Universiti.

9.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA GARIS PANDUAN

9.1 Peningkatan pemaparan logo SDGs yang dipetakan di dalam poster program yang dianjurkan;

9.2 Senarai program diperolehi melalui carian tanda pagar (*hashtag*) #UTHMgreencampus melalui hebahan digital program.

10.0 PEMAKAIAN PANDUAN


Panduan ini akan dikuatkuasakan selepas mendapat pengesahan daripada Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian Universiti (JPKU) dan kelulusan daripada Lembaga Pengarah Universiti.

11.0 KAWALAN

Jadual 5 : Kawalan

No. Edisi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan Oleh	Pindaan
1.0	xx/xx/xxxx	Jawatankuasa Eksekutif (JKE)	-

CARTA ALIR KAEDAH PELAKSANAAN GARIS PANDUAN



Rajah 1: Carta alir kaedah pelaksanaan Garis Panduan



Rajah 2 : Pemetaan SDGs

Rujukan:

https://www.un.org/sustainabledevelopment/wpcontent/uploads/2019/01/SDG_Guidelines_AUG_2019_Final.pdf